

Raja Permaisuri Agong Rasmi Floria 2012
Bernama
30 Jun, 2012

PUTRAJAYA, 30 Jun (Bernama) -- Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah hari ini berkenan menyempurnakan majlis perasmian Festival Bunga dan Taman Putrajaya (Floria Putrajaya) 2012.

Baginda turut meluangkan masa kira-kira sejam setengah untuk melawat kawasan pameran termasuk taman-taman pameran yang dikendalikan oleh kementerian dan agensi kerajaan termasuk Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar serta Perbadanan Putrajaya.

Lawatan baginda berakhir di kawasan pavilion yang menempatkan pameran pelbagai gubahan bunga yang menarik dan berwarna-warni yang disertai oleh peserta tempatan dan antarabangsa termasuk dari China, Hong Kong, Jepun, United Kingdom dan Amerika Syarikat.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar Datuk M. Saravanan dan Presiden Perbadanan Putrajaya Tan Sri Samsudin Osman.

Dianjurkan oleh Perbadanan Putrajaya dan disokong oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, festival bertemakan Bunga Kertas-Tetap Menawan itu dijadualkan berlangsung di Persisiran Tasik Presint 2 di sini selama sembilan hari.

Lebih 400,000 pokok dari pelbagai spesis dan kultivar bunga-bunga dan tanaman hiasan dari kawasan tropika dan subtropika dihimpunkan sepanjang tempoh pameran.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=677036>